

Syarah Mabbim

Meningkatkan Peranan Bahasa Melayu/ Indonesia Sebagai Pengungkap Fikiran Cendekia:

Tantangan, Peluang dan Strategi

Dr Yabit Alas

yabit.alas@ubd.edu.bn

Pengenalan

Sebelum kita membincangkan tajuk Syarahan Mabbim ini, lebih baik kita melihat sejarah bahasa Melayu serta sedikit sejarah bahasa-bahasa besar yang lain. Perkara ini boleh kita gunakan sebagai pedoman dan penyukat terutama aspek apa yang perlu dipertingkatkan agar bahasa Melayu/Indonesia mampu menjadi bahasa pengungkap fikiran cendekia.

Mengikut takrif standard, bahasa dunia atau bahasa antarabangsa adalah bahasa yang dituturkan secara internasional dan dipelajari sebagai bahasa kedua. Selain itu, bilangan penutur yang termasuk penutur bahasa pertama L1 dan penutur bahasa kedua L2 bukanlah pengukur bahasa dunia kerana aspek-aspek seperti organisasi-organisasi antarabangsa dan hubungan-hubungan antarabangsa perlu diambil kira (http://en.wikipedia.org/wiki/World_language). Bahasa dunia atau bahasa antarabangsa juga dikenali sebagai bahasa universal yang digunakan oleh penutur dari pelbagai latarbelakang linguistik yang digunakan untuk berkomunikasi dan mengurangkan kesalahfahaman serta halangan yang disebabkan oleh perbezaan bahasa (<http://www.thefreedictionary.com/antagonism>).

Sejarah Bahasa Melayu

Bertolak dari kenyataan di atas, bahasa Melayu atau bahasa Indonesia secara sejarahnya pernah menjangkau tahap bahasa dunia atau bahasa internasional tersebut. Mengikut Awang Sariyan (2009), bahasa Melayu telah menjadi bahasa besar lebih dari satu alaf dahulu. Mengikut fakta sejarah bahasa Melayu/Indonesia telah menjadi bahasa kerajaan, bahasa perdagangan,

bahasa pengajian agama dan lingua franca sejak kerajaan Sriwijaya sekitar abad ke-7 Masihi. Bahasa ini semakin menjadi penting pada zaman kesultanan Melayu di sekitar abad ke-13 sehingga abad ke-19. Pada era ini, bahasa Melayu /Indonesia berperanan sebagai pencetus tamadun Melayu baru kerana berperanan sebagai bahasa pentadbiran, bahasa diplomasi, bahasa undang-undang, bahasa ilmu dan falsafah, bahasa perdagangan, bahasa ketatanegaraan dan bahasa sastera tinggi (Awang Sariyan, 2009).

Sarjana Belanda Francois Valentijn mengungkapkan kebesaran bahasa Melayu pada abad ke-16 sebagai yang berikut:

``Bahasa mereka, bahasa Melayu, bukan saja dituturkan di daerah pinggir laut, tetapi juga digunakan di seluruh kepulauan Melayu dan di negeri-negeri Timur, sebagai suatu bahasa yang difahami di mana-mana saja oleh setiap orang, tidak ubah seperti bahasa Perancis atau Latin di Eropah, atau sebagai bahasa lingua franca di Itali dan di Levant. Sungguh luas tersebarunya bahasa Melayu itu sehingga kalau kita memahaminya tidaklah mungkin kita kehilangan jejak, kerana bahasa itu bukan saja dimengerti di Parsi bahkan lebih jauh dari negeri itu, dan di sebelah timurnya sehinggalah kepulauan Filipina." Dipetik dari (Awang Sariyan, 2009).

Tidak cukup dengan keluasan kawasan geografis serta fungsinya sebagai bahasa lingua franca, kita juga menyaksikan bahasa Melayu telah digunakan sarjana besar dari pelbagai bidang yang terkenal yang menulis bahan akademik mereka dalam bahasa Melayu. Sarjana besar yang juga pemerintah barat seperti William Marsden iaitu seorang sarjana Inggeris ketika ditugaskan di Bengkulu (1771-1779) telah berjaya mengumpulkan bahan-bahan untuk mempelajari bahasa Melayu. Akhirnya beliau berjaya menerbitkan kamus A Dictionary of the Malayan Language, yang memaparkan untuk pertama kali penggunaan tulisan jawi di dalam kamus. Selain dari itu, penggunaan bahasa Melayu ini juga telah mendorong R.J. Wilkinson pada tahun 1895 mengusahakan Kamus Inggeris-Melayu yang kemudiannya diterbitkan pada tahun 1902.

Jadi memang agak ironis jika sekarang kita berbicara tentang meningkatkan peranan bahasa Melayu sedangkan bahasa Melayu telah berperanan penting pada semua lapisan masyarakat

malahan peranan itu membuat bahasa Melayu sebagai satu bahasa gemilang yang telah standing dengan bahasa-bahasa besar yang lain dalam sejarah.

Cuba kita lihat lagi apa yang diperkatakan tentang bahasa Perancis yang pernah menjadi bahasa dunia dan gemilang pada zamannya. Dari abad ke-17 sehingga abad ke-19, Perancis adalah kuasa besar di Eropah yang mengakibatkan bahasa Perancis menjadi bahasa lingua franca di kalangan berpendidikan di Eropah, terutama yang menyangkut soal seni, sastera, dan diplomasi. Kerabat diraja seperti Frederick II dari Prussia dan Catherine the Great dari Rusia bertutur dan menulis dengan fasih dan lancar dalam bahasa Perancis. Kalangan bangsawan Rusia, Jerman dan Scandinavia berbahasa Perancis sebagai bahasa utama atau bahasa rasmi mereka dengan mengabaikan bahasa kebangsaan mereka yang dianggap sebagai bahasa kaum tani atau kelas bawahan (http://en.wikipedia.org/wiki/History_of_French).

Bahasa Rumawi (Latin) yang mempengaruhi seluruh Eropah selama hampir 2 ribu tahun bukan sahaja mampu menjadi bahasa dominan tetapi mengubah atau mempengaruhi bahasa-bahasa lain di Eropah. Bahasa ini digunakan dalam semua aspek kehidupan terutama academia. Sehingga diperkatakan jika hendak berada di kalangan kumpulan orang-orang literate seseorang itu perlu menguasai bahasa Rumawi. Zaman pertengahan dalam sejarah bahasa Rumawi (600-1300), bahasa ini mula digunakan sebagai bahasa internasional serta bahasa untuk sains, falasafah, dan teologi. Bahasa Rumawi digunakan berterusan sehingga sekitar abad ke-20 di mana bahasa-bahasa moden lain sudah mula mengambil alih (<http://www.orbilat.com/Languages/Latin/Latin.html>).

Ternyata bahasa Rumawi dan Perancis gemilang kerana bukan sahaja keluasan wilayah penggunaannya tetapi juga digunakan dalam ilmu. Tetapi apa pula kurannya bahasa Melayu, kerana bahasa Melayu telah mula digunakan sebagai bahasa ilmu sejak abad ke-7 lagi. Perkara ini pernah dilaporkan pada tahun 671 M ketika pengembara Cina, I-Ching yang belayar dari China ke India untuk pergi ke kuil suci Buddha, di mana beliau sempat singgah dan tinggal di Sri Vijaya untuk mempelajari bahasa Sanskrit. Setelah pulang ke China, berdasarkan pengalaman semasa tinggal di Sri Vijaya, beliau telah menyarankan kepada sami-sami Buddha di China agar

tinggal di Sri Vijaya selama setahun atau dua tahun untuk mempelajari peraturan-peraturan yang betul tentang agama Buddha sebelum mereka belajar di India (Collins 1998). Bahasa yang digunakan oleh sami-sami Buddha tersebut sudah pastinya bahasa Melayu dengan istilah-istilah khusus dari bahasa Sanskrit.

Perkara ini dapat dibuktikan pada Batu bersurat tertua di alam Melayu iaitu batu bersurat Kedukan Bukit yang bertarikh 683 M juga diinskripsikan dalam zaman Sri Vijaya ini (Noriah 1999). Malahan sejarah bahasa Inggeris adalah hampir 60 tahun terkemudian dari sejarah bahasa Melayu di mana dalam abad kelapan, bapa sejarah Inggeris, iaitu Bede (/beda/) telah menyiapkan bukunya yang sangat terkenal, bertajuk *Historia ecclesiastica gentis Anglorum* (The Ecclesiastical History of the English People). Buku tersebut siap ditulis pada tahun 731 M (<http://en.wikipedia.org/wiki/Bede>).

Berdasarkan laporan I-Ching dan keagungan kerajaan Sri Vijaya di alam Melayu seperti yang dibuktikan dari inskripsi-inskripsi Kedukan Bukit (683 M), Talang Tuwo (684 M), Boom Baru (686), Kota Kapur (686 M) dan Karang Brahi (686) (Noriah 1999: 47) sudah cukup membuatkan alam Melayu setanding dengan budaya ilmu di Barat, khususnya England pada periodisasi tersebut. Kedua-dua tamadun ini menggunakan tulisan asing sebagai medium penyampai mereka. Di England digunakan aksara Latin sedangkan di Sri Vijaya digunakan aksara Palawa. Kedua-dua aksara ini ada hubungan dengan keagamaan, aksara Rumi dihubungkan dengan Keristian di England dan aksara Palawa dihubungkan dengan Hindu dan Buddha di Alam Melayu (Collins 1998).

Selain itu, laporan I-Ching ini juga boleh dijadikan iktibar yang Alam Melayu sebenarnya sudah lama menjadi pusat ilmu. Walau bagaimanapun, setelah 1,300 tahun selepas laporan I-Ching, kita di alam Melayu masih lagi teraba-raba mencari sejarah bangsa Melayu. England dengan sejarah ilmunya yang hampir setanding ketuaannya dengan alam Melayu sudah jauh mendahului kita.

Memang diakui dalam sejarah bahasa di dunia ini, ada bahasa yang popular dan akhirnya tidak digunakan malahan ada yang punah. Bercakap tentang bahasa besar, bahasa Arab Mesir pada

zaman kebangkitan tamadunnya telah bangkit menjadi bahasa kuasa besar antara pelbagai negara pada zamannya. Bagaimanapun, menjelang zaman pertengahan bahasa Arab Mesir punah. Pada zaman Hellenistik, bahasa Yunani dituturkan dari Athens sehingga ke tebing Amu Darya di Asia Tengah. Tetapi bahasa ini pada masa ini hanya terhad di selatan semenanjung Balkan sahaja. Berbalik pada bahasa Rumawi tadi yang pernah menguasai wilayah Eropah dari selatan di Danube sehingga ke barat di Rhine, juga tidak lupa Utara Afrika, yang juga bertahan walau dengan kejatuhan Empayar Rom, juga digunakan secara aktif oleh cerdik pandai Eropah sehingga akhir abad ke-18. Tetapi kini bahasa Rumawi tidak lagi digunakan sebagai bahasa komunikasi, kecuali di Vatican sahaja (<http://aiic.net/page/731/the-notion-of-an-international-language-and-the-case-of-english/lang/1>).

Jadi kita tidak hairan juga kalau bahasa Melayu yang pernah gemilang tetapi akhirnya tenggelam. Harap-harap tidak menjadi seperti bahasa Rumawi yang hanya dituturkan di Vatican City yang keluasannya hanya 110 ekar dengan penduduknya hanya 842 orang, yang diiktiraf sebagai sebuah negara merdeka terkecil di dunia (http://en.wikipedia.org/wiki/Vatican_City). Tetapi sebagai sebuah bahasa yang pernah menjadi bahasa besar dan bahasa golongan ilmunan, bahasa Latin tetap menjadi bahasa sumber pelbagai ilmu, malahan kebanyakan istilah saintifik juga menggunakan istilah Latin, termasuklah istilah saintifik 'pandan' yang menjadi 'pandanus'. Pandan atau dalam bahasa Inggeris 'screw pine' adalah natif di Asia Selatan dan Asia Tenggara.

Bahasa Melayu pernah menjadi bahasa besar, bahasa perdagangan malahan bahasa ilmu. Pelbagai hukum kanun pernah dicatat dalam sejarah umpamanya Hukum Kanun Melaka yang digunakan seawal tahun 1446 ketika pemerintahan Sultan Muzaffar Syah dan ditulis secara teratur ketika pemerintahan Sultan Mahmud Syah (1489-1511) (http://ms.wikipedia.org/wiki/Hukum_Kanun_Melaka).

Peluang Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pengungkap Pemikiran cendekia

Pada zaman moden ini apakah peluang bahasa Melayu menjadi bahasa antarabangsa serta bahasa pengungkap fikiran cendekia tetap ada? Saya kaitkan bahasa antarabangsa dengan cendekia disebabkan kedua-dua perkara ini tidak akan dapat dipisahkan dalam zaman globalisasi ini. Golongan cendekia tidak akan dapat lari dari lingkungannya globalnya kerana ilmu itu berpunca dari pelbagai sumber dan bahasa.

Sebelum kita berjalan lebih jauh dan yakin dengan apa yang kita lakukan ada baiknya kita meneliti tanggapan yang ilmu itu akan lebih baik penyerapannya jika menggunakan bahasa ibunda (L1). Dalam artikel "The Native Speaker: An Achievable Model?" yang diterbitkan di jurnal Asian EFL telah menggariskan enam prinsip umum bahasa natif, iaitu:

- Seseorang yang memperolehi bahasa sejak zaman awal kanak-kanaknya
- Seseorang mempunyai pengetahuan intuisi tentang bahasa tersebut
- Seseorang yang mampu mengeluarkan wacana secara fasih dan spontan
- Seseorang yang petah dalam komunikasi
- Seseorang dikenali atau dijejaki oleh masyarakat bahasa
- Seseorang tidak mempunyai aksen asing

Lee, Joseph "The Native Speaker: An Achievable Model?". Asian EFL Journal 7 (2) (http://en.wikipedia.org/wiki/First_language)

Bagaimanapun, dalam situasi yang lumrah di dunia ini, kita mendapat ilmu dengan menggunakan bahasa rasmi yang diangkat menjadi bahasa pentadbiran serta bahasa pengajaran dan pengajaran di sekolah. Bagaimanapun, dalam konteks pemerolehan bahasa kedua-duanya tidak mendatangkan masalah besar terutama jika masyarakat tersebut berada dalam lingkungan bandar di mana interaksi pelbagai peringkat masyarakat serta kaum sering terjadi. Cabaran kita dalam era globalisasi dan teknologi ini ialah desakan bahasa 'superstratum' iaitu bahasa Inggeris. Persoalan yang saya timbulkan ada atau tidak korelasi pencapaian akademik antara pembelajaran dengan menggunakan bahasa ibunda atau bahasa rasmi dengan

menggunakan bahasa asing? Untuk menjawab persolan tersebut kita lihat data pencapaian mata pelajaran sains dan matematik bagi 16 negara teratas dalam kedua-dua mata pelajaran tersebut bagi murid-murid tahun 8.

International educational scores (latest, 2007)							
(8th graders average score, TIMSS							
International Math and Science Study, 2007)							
Countries: (sample)	Global rank	Maths		Science		Bahasa Pengantar Sekolah	Bahasa Ibunda, Rasmi atau bukan
		Rank	Score	Rank	Score		
 Singapore	1	3	593	1	567	Inggeris	X
 Taiwan	2	1	598	2	561	Mandarin	x/v
 South Korea	3	2	597	4	553	Korea	√
 Japan	4	5	570	3	554	Jepun	√
 Hong Kong	5	4	572	9	530	Inggeris & Kantonis	X/v
 Hungary	6	6	517	6	539	Hungary	√
 England	7	7	513	5	542	Inggeris	√
 Czech Republic	8	11	504	7	539	Czech	√
 Russia	9	8	512	10	530	Rusia	√
 Slovenia	10	12	501	8	538	Solvene	√
 United States	11	9	508	11	520	Inggeris	√
 Lithuania	12	10	506	12	519	Lithuania	√
 Australia	13	14	496	13	515	Inggeris	√
 Sweden	14	15	491	14	511	Swedish	√
 Armenia	15	13	499	17	488	Armenian	√
 Italy	18	19	480	16	495	Itali	√
Maths Highlights from TIMSS 2007							
Science Highlights from TIMSS 2007							

Data di atas sangat penting, pertama kerana kedua-dua subjek di atas adalah subjek teras kepada pembangunan negara. Kedua, ternyata korelasi antara bahasa dan pencapaian akademik ternyata sangat akrab. Walaupun Singapura sebuah negara Asia dan bukan secara tradisi menuturkan bahasa Inggeris, tetapi sekitar dua generasi masyarakat Singapura telah ramai menuturkan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama. Malahan kadar penguasaan dwibahasa masyarakat Singapura sangat tinggi iaitu antara bahasa Inggeris dengan mana-mana bahasa ibunda masyarakatnya mempunyai tahap yang agak seimbang. Mungkin faktor tersebut antara faktor penyumbang pencapaian akademik cemerlang mereka.

Mari pula kita teliti antara 10 negara yang terpelajar di dunia dengan melihat peratus penduduk yang mempunyai pendidikan peringkat tinggi (tertiary education).

1. Kanada – 51%
2. Israel – 46%
3. Jepun – 45%
4. Amerika – 42%
5. New Zealand – 41%
6. Korea Selatan – 40%
7. United Kingdom – 38%
8. Finland – 38%
9. Australia – 38%
10. Ireland – 37%

Serta korelasi antara jumlah penerbitan di negara masing-masing:

1. United States (2011) - 292,014 (new titles and editions)
2. China (2013) - 255,981 (444,427 total)
3. United Kingdom (2011) - 149,800 (new)
4. Russian Federation (2013) - 101,981 (120,512 total)
5. India (2004) 82,537 - (total; 21,370 in Hindi, 18,752 in English, and 42,415 in other Indian languages)

6. Germany (2011) - 82,048 (new)
7. Japan (2012) - 78,349 (new)
8. Spain (2011) - 44,000 [4] (74,244 total)
9. South Korea (2013) - 43,146 (new)
10. Turkey (2011) - 43,100 (total)

11. France (2011) - 41,902 (new)
12. Italy (2011) - 39,898 (new)
13. Iran (2012; 01Jan12-15Oct12) - 28,322 (53,958 total)
14. Taiwan (2010) - 28,084 (43,258 total)
15. Argentina (2012) - 26,367 (27,584 total)
16. Vietnam (2009) - 24,589
- 17. Indonesia (2009) - 24,000+**
18. Brazil (2012) - 20,792 (57,473 total)
19. Canada (1996) - 19,900
- 20. Malaysia (2011) - 17,923**

(en.wikipedia.org/wiki/Books_published_per_country_per_year)

Walaupun korelasi antara bahasa dengan jumlah pelajar peringkat tinggi serta jumlah penerbitan yang dipaparkan di atas boleh didebatkan tetapi secara kasarnya indikasi yang ditonjolkan sangat signifikan. Dalam erti kata yang mudah masih banyak kerja yang perlu kita kerjakan untuk mempertingkatkan peranan bahasa Melayu agar bahasa ini mampu mengungkap pemikiran cendekia.

Mengikut Kamus Dewan edisi keempat, cendekia bermaksud, 'berakal, cerdas, pandai; cerdas ~ cerdas pandai, terpelajar, intelektual; kaum cerdas ~ kaum terpelajar, kaum intelek; kecendekiaan segala sifat yg berkaitan dgn cendekia, kecerdikan: melalui pendedahan tersebut, pelajar akan memperoleh pengalaman ~.' Jadi kita ingin mempertingkatkan peranan bahasa Melayu agar bahasa Melayu mampu digunakan untuk mengungkap pemikiran cendekia, atau mampu untuk mengungkapkan pemikiran intelek.

Walaupun takrif di atas agak bercanggah dengan takrif Syed Hussein Alatas (1977), yang mengatakan cendekiawan adalah seseorang yang arif pemikirannya tentang idea dan masalah bukan lahiriah dengan menggunakan akal fikirannya. Sedangkan inteligensia diertikan sebagai orang yang telah melalui pendidikan tinggi yang formal dan moden, pakar dan professional, dan mereka yang telah mendapatkan pendidikan tinggi dengan cara-cara lain. Dengan kata lain, cendekiawan adalah pemikir, yang lebih besar keterampilannya dari segi idea, pemikiran dan wawasannya. Cendekiawan tidak semestinya merupakan seorang dari lingkungan suasana ilmiah kerana sifat dan ketokohan yang mereka miliki telah membuat mereka disegani masyarakat kerana kemampuan mereka mengupas permasalahan masyarakat, negara, dan keadaan semasa (Azhar Ibrahim 2014). Bagaimanapun, dalam kertas kerja ini saya simpulkan cendekia itu sebagai golongan cerdik pandai yang mempunyai pemikiran mendalam tentang sesuatu atau beberapa perkara yang mampu membawa perubahan kepada kehidupan masyarakat ke tahap yang lebih baik.

Bahasa bersifat dinamik yang pastinya berkembang mengikut perubahan persekitaran. Jadi, walaupun saya mengatakan bahasa Melayu/Indonesia itu pernah mencapai kegemilangannya, tetapi disebabkan pelbagai perkembangan politik dan budaya seperti penjajahan, perkembangan bahasa Melayu/Indonesia akhirnya menjadi sedikit perlahan. Tetapi sejak pendidikan selepas penjajah bermula, pendidikan yang menggunakan bahasa Melayu/Indonesia semakin meningkat yang mengakibatkan peningkatan korpus bahasa Melayu/Indonesia. Di Indonesia pendidikan tinggi telah bermula seawal tahun 1902 di Batavia di mana didirikan *School tot Opleiding van Inlandsche Artsen* (*School Tot Opleiding van Inlandsche Artsen* atau dikenal sebagai Sekolah Dokter Bumi Putera), NIAS (*Nerderlandsch Indische Artsen School*) tahun 1913 di Surabaya dan diikuti oleh GHS (*Geneeskundige Hooge School*) pada tahun 1927 yang akhirnya merupakan embrio kedokteran Universitas Indonesia dan Di Bandung tahun 1920 didirikan *Technische Hooge School* (THS) yang pada tahun itu juga dijadikan perguruan tinggi negeri yang merupakan embrio Institut Teknologi Bandung. Walaupun institusi ini tidak secara langsung menyumbang kepada perkembangan bahasa Indonesia, tetapi tidak dapat dinafikan institusi-institusi tersebut telah mengeluarkan golongan pemikir yang akhirnya mengubah landskap pendidikan di Indonesia. Perkembangan yang paling signifikan di Indonesia ialah

dengan termeterainya Sumpah Pemuda Tanggal 28 Oktober 1928 di mana pemuda dan Pemudi Indonesia berikrar yang berbunyi: “kami poetera dan poeteri Indonesia mendjoendjoeng bahasa persatuan, bahasa Indonesia”.

Di Malaysia pula, sejarah pengajian tinggi bermula dengan penubuhan Universiti Malaya pada tahun 1949. Bagaimanapun, bahasa ini mula mendapat keistimewaan apabila ditetapkan menjadi bahasa kebangsaan pada tahun 1957.

Tidak lama selepas itu iaitu pada tahun 1959, Brunei Darussalam pula meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Negara dalam Perlembagaan Negara Brunei 1959. Jika diukur dari sudut sejarah, pasti kita mengatakan Bahasa Melayu/Indonesia setanding dengan Bahasa Inggeris. Bagaimanapun, Bahasa Inggeris atau mana-mana bahasa lain berkembang dan mengalami evolusi, walau perlahan tetapi evolusinya sesuai dengan perkembangan semasanya. Sedangkan bahasa Melayu/Indonesia prosesnya terhenti selama sekitar 600 tahun ketika dijajah oleh Inggeris di Malaysia dan Brunei serta Belanda di Indonesia. Ertinya, bahasa Melayu/Indonesia moden hanya betul-betul berkembang dan sesuai digunakan dalam lingkungan akademik hanya bermula selepas peristiwa di atas tadi, atau secara jelasnya selepas kemerdekaan ketiga-tiga negara. Kerana selepas kemerdekaan, pendidikan yang terancang dan bersistematik baru mula dilaksanakan.

Meningkatkan Peranan Bahasa Melayu/Indonesia

Kembali membicarakan tajuk Syarahan Mabbim ini, iaitu Meningkatkan Peranan Bahasa Melayu/ Indonesia Sebagai Pengungkap Fikiran Cendekia: Tantangan, Peluang dan Strategi, bermaksud satu proses yang aktif dan progresif. Aktif bermaksud secara berterusan dari dulu sehingga bila-bila pada zaman akan datang kita terus pertingkatkan penggunaan dan peranan bahasa Melayu/Indonesia. Progresif pula membawa maksud ke depan dan maju. Maju dalam konteks bahasa pasti membawa konotasi mampu, terutama untuk mengungkapkan pemikiran cendekia yang dari masa ke semasa juga berevolusi semakin canggih dan kompleks.

Sebagai persediaan ke arah itu, beberapa strategi perlu di gubal. Satu contoh yang menonjol dan Berjaya ialah penubuhan Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia atau singkatannya MABBIM pada 29 Disember 1972.ⁱ Mabbim dengan jelas di tubuhkan dengan wadah untuk meningkatkan kerjasama kebahasaan MABBIM yang pada hakikatnya mempunyai misi untuk membina dan mengembangkan bahasa rasmi atau bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu/Indonesia di ketiga-tiga buah negara anggota MABBIM menjadi bahasa peradaban tinggi, bahasa ilmu, bahasa sains, bahasa teknologi moden, bahasa perusahaan, dan bahasa ekonomi (<http://dbp.gov.my/mabbim/>). Sehingga kini Mabbim telah berjaya menghasilkan hampir setengah juta istilah ilmu dari pelbagai bidang.

Selain dari usaha bersepadu tiga negara, setiap negara juga perlu mempelbagaikan usaha untuk mempertingkatkan peranan bahasa Melayu/Indonesia ini. Bercakap tentang peranan, kita perlu pertingkatkan penerbitan buku ilmiah terutama yang berimpak tinggi. Rata-rata universiti di dunia sekarang berlomba-lomba untuk mengejar 'ranking'. Antara cara untuk mencapai 'ranking' ini ialah penerbitan ahli akademiknya perlu diterbitkan di jurnal berimpak tinggi seperti di ISI WoS dan Scopus.

Melihat sekilas jumlah jurnal berstatus ISI WoS atau Scopus di Malaysia dengan penduduknya seramai 30,267,367 orang, jumlah jurnal memang agak lumayan, iaitu sebanyak 48 jurnal di mana 5 jurnal tersebut sudah tidak aktif yang membawa maksud hanya 44 jurnal yang aktif (http://www.ukm.my/ptsl/v1/Journal%20in%20Malaysia%20Indexed%20by%20SCOPUS%20&%20ISI%20WOS_March%202011.pdf). Dari jumlah yang tersenarai, tidak ada satu pun yang menggunakan bahasa Melayu/Indonesia sebagai bahasa penerbitannya. Kalau ada pun seperti jurnal terbitan Universiti Sains Malaysia, Kajian Malaysia yang menerbitkan dalam bentuk dwibahasa, iaitu bahasa Melayu dan Inggeris yang dikatakan tersenarai dalam Scopus dan ERA (<http://web.usm.my/km/>).

Di Indonesia dengan penduduk 237,424,363 orang pula, senarai jurnal yang diindeks ke ISI WoS atau Scopus sebanyak 17 journal (<http://www.kopertis12.or.id/2013/03/04/daftar-jurnal-indonesia-yang-terindeks-scopus-elsevier-dan-compindex-elsevier-per-1-maret-2013-2.html>).

Jerman dengan penduduk seramai 82.6 juta orang mempunyai lebih dari 7000 jurnal dan kebanyakannya menggunakan bahasa Jerman. Demikian juga Jepun dan Korea, banyak jurnal yang berstatus Scopus adalah berbahasa Jepun atau Korea ataupun mengamalkan sistem dwibahasa.

Menyedari masalah kekurangan atau ketiadaan jurnal yang berimpak faktor (Impact Factor, IF) ini, dalam sidang ke-53 Mabbin yang di adakan di Jakarta bulan Jun 2014 baru-baru majlis telah menyarankan agar sebuah jurnal berimpak tinggi yang menggunakan bahasa Melayu/Indonesia perlu diwujudkan. Dengan cara itu pasti pengkaji-pengkaji tempatan akan menggunakan ruang yang tersedia untuk menerbitkan tulisan mereka terutama bagi ahli akademik yang tidak begitu fasih menggunakan bahasa Inggeris. Cara ini dengan tidak secara langsung pasti akan meningkatkan peranan bahasa Melayu/Indonesia itu sendiri.

Bagaimanapun, usaha tersebut bukan tidak ada cabarannya kerana rata-rata institusi tinggi yang inginkan institusi mereka berada di golongan institusi yang ada 'rank' pasti akan menggunakan jurnal bertaraf antarabangsa agar impak yang diperolehi lebih cepat. Memang tidak dinafikan yang 'ranking' sesebuah universiti adalah sangat penting pada sesebuah negara, tetapi ranking bagi negara yang tidak berbahasa Inggeris terutama negara yang baru sahaja terlibat dengan permainan ini pasti akan mengabaikan bahasa kebangsaannya atau dalam konteks kita bahasa Melayu/Indonesia.

Kita perlu juga melihat peluang yang ada dari peningkatan penggunaan bahasa Melayu/Indonesia ini. Bagi penulis yang menerbitkan artikel beliau dalam bahasa Melayu/Indonesia bukan sahaja akan mendapat sanjungan masyarakatnya tetapi yang pasti tulisan beliau tersebut akan dibaca dan diambil perhatian masyarakat yang terlibat. Penerbitan di jurnal antarabangsa pasti akan menghasilkan citation yang tinggi yang akan menguntungkan penulisnya serta institusinya tetapi tidak akan memberi menafaat secara langsung kepada masyarakatnya. Untuk itu, disarankan kita menubuhkan pelbagai jurnal yang berimpak tinggi bagi pelbagai bidang ilmu dalam bahasa Melayu/Indonesia.

Selain itu perlu ada undang-undang di mana penerbitan mana-mana pihak penerbit perlu mengamalkan sistem kuota, di mana lebih 50% bahan-bahan yang diterbitkan setahun harus dalam bahasa Melayu/Indonesia. Perkara ini mungkin telah diamalkan di Indonesia dengan dasar bahasa yang baru saja dilaksanakan. Penerbitan yang dimaksudkan di atas tidak sahaja terhad pada penerbitan berbentuk cetakan, kita perlu juga memikirkan penerbitan yang berbentuk digital yang memenafaatkan media baru sebagai medium penyebarannya.

Selain peningkatan peranan bahasa Melayu/Indonesia dengan menggunakan penerbitan, peranan bahasa secara verbal juga perlu dipertingkatkan terutama di media-media awam seperti televisyen dan radio. Pengacara atau pembicara perlu peka penggunaan bahasa Melayu/Indonesia yang baik dan bahasa Melayu/Indonesia tinggi yang menekankan aspek-aspek tatabahasa yang betul serta pemilihan kata-kata yang baik. Perkara ini tidak mudah kerana televisyen dan radio juga biasanya mensasarkan rancangan mereka kepada golongan muda yang merupakan penyumbang kepada pendapatan penyiaran mereka. Bagaimanapun, jika perancangan yang teratur dan sempurna dilakukan pasti penerimaan masyarakat pada gaya bahasa Melayu yang baik dan betul itu akan meningkat. Penggunaan bahasa yang baik dan betul ini sebenarnya mencerminkan ketamadunan masyarakat tersebut. Kerana dalam bahasa ada istilah bahasa yang bersifat 'superstratum' dan bahasa yang bersifat 'substratum'. Bahasa 'substratum' biasanya bersifat dialek dan tidak digunakan dalam menyebarkan ilmu.

Golongan cendekia tidak terhad pada golongan saintis sahaja, para ulama yang memainkan peranan penting dalam masyarakat secara definisinya adalah golongan cendekia. Para ulama dan penceramah agama (termasuk agama-agama lain selain dari agama Islam) ini perlu secara proaktif menggunakan bahasa yang mempunyai nilai tinggi. Masalah yang ada sekarang ialah penceramah biasanya akan ikut pasarannya, iaitu siapa audiennya dan cuba beradaptasi dengan bahasa serta budaya setempat agar Jemaah atau pendengar akan faham isi kandungan ceramah yang disampikannya.

Kesimpulan

Sebenarnya banyak lagi usaha serta cara untuk mempertingkat peranan bahasa Melayu ini. Bagaimanapun, untuk tujuan syarahan ini saya hanya paparkan beberapa sekadar untuk renungan dan pemikiran kita. Bahasa itu dinamik, jadi masyarakat penuturnya perlu cepat mengadaptasi perubahan dan mengambil peluang-peluang yang ada agar bahasa Melayu/Indonesia tetap relevan. Tanpa penglibatan golongan cendekia serta pemikiran cendekia, betapa ramai pun penutur bahasa tersebut, ia tidak akan ke mana-mana yang sekali gus akan dilupakan pada sesuatu ketika nanti.

Rujukan;

http://en.wikipedia.org/wiki/World_language

<http://www.thefreedictionary.com/antagonism>

http://en.wikipedia.org/wiki/History_of_French

<http://www.orbilat.com/Languages/Latin/Latin.html>

http://en.wikipedia.org/wiki/First_language

http://ms.wikipedia.org/wiki/Hukum_Kanun_Melaka

<http://www.orbilat.com/Languages/Latin/Latin.html>

http://en.wikipedia.org/wiki/First_language

http://en.wikipedia.org/wiki/Books_published_per_country_per_year

<http://en.wikipedia.org/wiki/Bede>

<http://aiic.net/page/731/the-notion-of-an-international-language-and-the-case-of-english/lang/1>

Awang Sariyan, 2009, Peranan bahasa dalam pembinaan insan dan pembangunan. Jurnal Hadhari Bil. 1 (2009) 1-29.

Collins, J.T. (1998). Malay, world language: A short history. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dewan Bahasa Dan Pustaka. (2003). Kamus Bahasa Melayu Nusantara. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Noriah Mohamed. (1999). Sejarah Sociolinguistik Bahasa Melayu Lama. Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

ⁱ MABBIM ialah sebuah badan kebahasaan serantau yang dianggotai oleh tiga negara, iaitu Negara Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia. Asalnya badan ini dinamai Majlis Bahasa Indonesia - Malaysia (MBIM), yang ditubuhkan pada 29 Disember 1972, setelah satu Pernyataan Bersama ditandatangani oleh Allahyarham Tun Hussein Onn, Menteri Pendidikan Malaysia, dan Bapak Mashuri Saleh S.H. Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia, pada 23 Mei 1972 di Jakarta. MBIM menjadi MABBIM apabila negara Brunei Darussalam menganggotai Majlis ini pada 4 November 1985. Manakala, Singapura masih menjadi negara pemerhati Majlis

sehingga

kini

(<http://www.dbp.gov.my/lamandbp/main.php?Content=vertsections&SubVertSectionID=788&VertSectionID=585&CurLocation=585&IID=&Page=1>)